UUM ke arah universiti bebas jenayah

um 15/7/2005 3:1

GRADUAN universiti yang menyertai kor Sukarelawan Siswa Polis (Suksis) telah diminta membantu polis mencegah jenayah di dalam kampus kerana peranan mencegah jenayah merupakan tanggungjawab bersama.

"Saya yakin ahli-ahli kor Suksis di Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjadi pemangkin ke arah mewujudkan sebuah universiti yang bebas jenayah dan mampu membartabatkan Polis Diraja Malaysia sebagai penguatkuasa undang utama yang bertaraf dunia, " kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar.

Beliau mempelawa semua ahli kor Suksis yang menamatkan latihan untuk terus memberikan sumbangan kepada PDRM dengan memasuki perkhidmatan Sukarelawan Polis (PVR).

"Bagi yang berminat untuk memilih perkhidmatan polis sebagai kerjaya, mereka juga dialu-alukan membuat permohonan apabila ada pengambilan baru, " kata Mohd Bakri sewaktu menutup tamat latihan pegawai kor Suksis di UUM, Sintok Sabtu lalu.

Kebelakangan ini masyarakat dikejutkan dengan perlakuan jenayah di kalangan pelajar dan tindak segelintir pelajar samseng yang mencederakan rakan hingga ada kes yang membawa maut.

Kata Mohd Bakri fenomena ini tidak harus dipandang ringan dan dibiarkan merebak hingga ke kawasan kampus.

Generasi muda perlu disedarkan bahawa mereka adalah pewaris kepimpinan negara dan mereka perlu memikul tanggungjawab untuk merealisasikan matlamat wawasan 2020. Kegagalan memahami peranan ini boleh menyebabkan mereka terjerumus ke kancah yang mungkin menghancurkan masa depan mereka, keluarga dan negara, kata Mohd Bakri.

Justeru itulah PDRM dan IPTA telah bekerjasama menubuhkan kor Suksis, bukan sekadar melahirkan graduan cemerlang, tetapi memiliki pengetahuan mengenai undang-undang, berdisiplin dan berketerampilan.

Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi pula menyeru semua pelatih Suksis membuktikan bahawa mereka memiliki beberapa kualiti instimewa di dalam diri masing-masing hasil latihan keras dan ilmu kepolisan yang telah dipelajari.

"Jika anda memilih untuk tidak menyertai PDRM selepas tamat pengajian, teruskan membakar jiwa patriotik dan semangat kepolisian dengan menyertai dalam pasukan sukarelawan polis dan jika memilih PDRM sebagai kerjaya, berjuangkan dengan penuh semangat yang dapat dibanggakan oleh pasukan dan negara," kata Dr.Nordin yang juga bekas Ketua Pengarah Biro Tata Negara (BTN).

Beliau menyifatkan mahasiswa yang menyertai Suksis ini mempunyai kelebihan dalam memilih peluang kerjaya kerana di peringkat pengajian tinggi di Malaysia mereka merupakan kumpulan pertama bakal graduan yang mempunyai nilai tambah latihan kepolisan.

Persediaan dan peluang untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan yang semakin mencabar tentunya menjadi lebih baik berbanding dengan mereka yang tidak berpeluang menyertai Suksis, kata Dr. Nordin.

Sebagai salah sebuah IPTA yang diamanahkan untuk mendidik anak-anak bangsa, UUM akan meneruskan semua usaha yang telah dijalankan sebelum ini dalam melahirkan graduan yang memiliki pelbagai kehandalan serta mereka yang memiliki ciri-ciri personaliti unggul.

um 15/7/05 3:3

Suksis latih disiplin diri

MUHAMAD Haniff Abdul Rasid, Md Razif Ibrahim dan Ungku Johar Ungku Mohamad yang dipilih sebagai pelatih terbaik kor Sukarelawan Polis Siswa (Suksis) yang pertama di negara ini menyifatkan kejayaan mereka kerana minat mendalam dengan kerjaya dalam pasukan beruniform.

Haniff, 23 yang memenangi pelatih terbaik keseluruhan berkata sebelum menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Utara Malaysia (UUM), beliau pernah memohon sebagai anggota polis tetapi gagal.

"Impian saya tercapai juga sekarang ini apabila dipilih menyertai Suksis sebagai salah satu daripada program kokurikulum di universiti ini, " kata Haniff yang juga Presiden Kor Suksis UUM sejak penubuhannya pada 2003.

Anak kelahiran Melaka yang mengambil jurusan ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan itu berkata, antara cabaran yang dihadapi semasa latihan ialah latihan ikhtiar hidup di dalam hutan yang begitu mencabar selain latihan menembak.

Md Razif yang dipilih sebagai peserta terbaik dalam kategori latihan pula berkata, latihan yang diperolehi akan dapat membantunya apabila memohon menyertai perkhidmatan polis selepas tamat pengajian kelak.

Beliau mengambil jurusan Sarjana Muda Pengurusan Awam dan pernah memohon sebagai anggota polis sebelum ini menyifatkan Suksis melatih dirinya berdisiplin dalam menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

Sementara itu pelatih akademik terbaik, Ungku Joha,23 berkata, minatnya dalam bidang ini kerana mewarisi bapanya yang juga seorang anggota polis dan dia pernah membesar di dalam lingkungan keluarga polis.

um/AA49/um/15.07.2005/p:3 (3/2)